



# Kontrak Perjanjian Rasmi Selaku Pemenang RATU GRAND MERDEKA 2018

## Syarat-syarat Kontrak

1. Pemenang Ratu Grand Merdeka 2018 akan serta merta menjadi model dan duta rasmi Grand Merdeka Mall.
2. Pemenang Ratu Grand Merdeka 2018 sekeras-kerasnya dilarang untuk merosakkan imej Grand Merdeka Mall dan Grand Merdeka Development Sdn Bhd (Management Corporation) serta syarikat-syarikat sekutunya. Ini adalah termasuk perbuatan mengaibkan melalui media sosial, kata-kata, tindakan atau dengan apa-apa cara sekalipun mengikut budi bicara penganjur.
3. Sebagai duta rasmi, pemenang Ratu Grand Merdeka 2018, apabila dijemput, wajib menghadiri semua acara atau peristiwa yang berlangsung di dalam Grand Merdeka Mall atau dianjurkan oleh Grand Merdeka Development Sdn Bhd (Management Corporation) serta syarikat-syarikat sekutunya. Mahkota serta sash Ratu Grand Merdeka 2018 haruslah dibawa bersama.
4. Sebagai duta rasmi, pemenang Ratu Grand Merdeka 2018 akan diberikan elaun sebanyak RM200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sahaja) untuk setiap acara atau peristiwa yang dihadirinya. Acara atau peristiwa yang dimaksudkan adalah sesuai dengan perkara nombor 3 di bawah Syarat-syarat Kontrak.
5. Sebagai model Grand Merdeka Mall, pemenang Ratu Grand Merdeka 2018 membenarkan penganjur untuk mengambil gambarnya dan juga menggunakan gambar-gambar yang diambil untuk tujuan pemasaran, penyelidikan, promosi dan penerbitan.
6. Pemenang Ratu Grand Merdeka 2018 wajib menghadiri acara Pertandingan Ratu Grand Merdeka 2019 sebagai juri dan juga untuk sesi penyerahan mahkota Ratu Grand Merdeka kepada pemenang seterusnya.

## Butir-butir Kontrak

1. Semua syarat di dalam kontrak ini adalah sah dan berkuatkuasa dari tarikh tandatangan pemenang Ratu Grand Merdeka 2018 sehingga tarikh penobatan Ratu Grand Merdeka 2019.
2. Sekiranya acara pertandingan Ratu Grand Merdeka 2019 tidak diadakan atau terbatal oleh sebab-sebab tertentu, tarikh penamatan kontrak ini adalah selepas satu tahun dari tarikh kontrak ini ditandatangani.
3. Sekiranya pemenang secara sengaja melanggar atau tidak memenuhi syarat-syarat kontrak ini pada bila-bila masa, statusnya sebagai Ratu Grand Merdeka 2018 akan serta merta ditarik balik tanpa pemberitahuan dan pemenang yang baru akan dipilih, sesuai dengan budi bicara penganjur.

## Pengakuan Peserta

Dengan menandatangani kontrak ini, saya yang bernama

\_\_\_\_\_, bernombor K/P \_\_\_\_\_,  
bersetuju untuk mengikuti semua syarat-syarat yang tertera di dalam kontrak ini sekiranya saya dinobatkan sebagai pemenang Ratu Grand Merdeka 2018, sesuai dengan terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur dalam pertandingan tersebut. Saya faham gelaran saya sebagai Ratu Grand Merdeka 2018 adalah tidak sah dan ditarik balik sekiranya saya tidak menyetujui dengan syarat-syarat yang diberikan dan gelaran itu akan diberikan kepada peserta yang lain.

Tandatangan peserta,

Diterima oleh (saksi),

Tarikh,

\_\_\_\_\_  
Nama: